

**PEPERIKSAAN AKHIR****KURSUS : FIQH MUAMALAT****KOD KURSUS : MIF2023****TEMPOH : 02 JAM****ARAHAN KEPADA CALON PEPERIKSAAN:**

1. Kertas peperiksaan ini mengandungi **DUA (2)** bahagian : BAHAGIAN A (20 soalan)
: BAHAGIAN B (06 soalan)
2. Jawab SEMUA soalan dari BAHAGIAN A dan BAHAGIAN B.
 - i. Jawab SEMUA BAHAGIAN dalam Buku Jawapan yang disediakan.
3. Sila pastikan set peperiksaan ini mengandungi :
 - i. Kertas Peperiksaan
 - ii. Buku Jawapan
4. TIDAK DIBENARKAN membawa sebarang bahan ke dalam dewan peperiksaan kecuali mendapat kebenaran daripada pengawas peperiksaan.
5. Tulis jawapan anda dengan menggunakan pen mata bulat (*ball-point pen*).

NO. MYKAD : _____
NO. ID : _____
PENSYARAH : _____
SEKSYEN : _____

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN SEHINGGA DIBERITAHU

Kertas soalan ini mengandungi 07 muka surat bercetak

MAC2024/D/MIF2023

BAHAGIAN A: SOALAN ANEKA PILIHAN*Jawab SEMUA soalan.***1. (1 point)**

Secara asasnya hukum dalam muamalat adalah _____.

- A. harus
- B. sunat
- C. wajib
- D. haram

2. (1 point)*Ijab* adalah lafaz _____ yang diucapkan oleh pembeli kepada penjual.

- A. penerimaan
- B. penawaran
- C. persaksian
- D. perkongsian

3. (1 point)

Contoh bagi akad yang ada balasan adalah seperti _____.

- A. jual beli
- B. sedekah
- C. hibah
- D. *qard*

4. (1 point)

Pemilikan manfaat sahaja juga turut dikenali sebagai _____.

- A. *Al-Ijarah*
- B. *As-Sarf*
- C. *Ar-Rahn*
- D. *Ibra'*

5. (1 point)Berikut merupakan contoh aplikasi *Bai' Musawamah*, **KECUALI** _____.

- A. pembelian kereta
- B. pembinaan rumah
- C. mendapat insentif bantuan Skim Takaful Rahmah
- D. pembelian sesuatu barangan secara dalam talian

6. (1 point)

_____ adalah transaksi pembelian yang melibatkan jualan harga modal.

- A. *Bai' Tawliyah*
- B. *Bai' Istisna'*
- C. *Bai' Salam*
- D. *Bai' Mal*

7. (1 point)

Pilih situasi yang bersesuaian dengan *Bai' Wadhi'ah*.

- A. Jualan penutupan gudang/kilang
- B. Jualan borong di kedai runcit
- C. Jualan mainan kanak-kanak
- D. Jualan ikan di pasar pagi

8. (1 point)

Hukum bagi *Ijarah* adalah _____.

- A. harus
- B. sunat
- C. wajib
- D. fardhu ain

9. (1 point)

Penamatan sesuatu akad boleh berlaku dengan sebab berikut, **KECUALI** _____.

- A. adanya kematian di antara pihak yang berakad
- B. berlaku penangguhan bayaran sewa bulanan
- C. pihak yang berakad meninggalkan akad
- D. tempoh akad telah tamat

10. (1 point)

Berikut merupakan contoh aplikasi *Tawarruq*, **KECUALI** _____.

- A. pembiayaan kereta
- B. pembiayaan peribadi
- C. permohonan pembiayaan kad kredit
- D. permohonan wakaf tunai

11. (1 point)

Keharusan untuk mengaplikasikan kontrak *Bay' al-'Inah* secara bersyarat dipersetujui oleh _____.

- A. Jumhur ulamak Syafie
- B. Jumhur ulamak Hanafi
- C. Jumhur ulamak Maliki
- D. Jumhur ulamak Hanbali

12. (1 point)

Akad yang terdapat di dalam akad AITAB (*Al-Ijarah Thumma Al-Bay*) ialah _____.

- i. kontrak pembelian
- ii. kontrak sewaan
- iii. hibah
- iv. tawarruq

- A. i dan ii
- B. i dan iii
- C. ii dan iv
- D. iii dan iv

13. (1 point)

Manakah antara berikut adalah **BENAR** mengenai rukun bagi kontrak *Mudharabah* ?

- i. Pemodal
- ii. Pengusaha
- iii. Menjalankan projek dengan pihak lain tanpa izin pemilik modal.
- iv. Pemilik modal melantik seorang wakil sebagai ganti.

- A. i dan ii
- B. i dan iii
- C. ii, iii dan iv
- D. i, ii, iii dan iv

14. (1 point)

Danish dan Fazley telah bersepakat menjalankan perniagaan dobi pakaian. Danish mengeluarkan modal sebanyak RM 50,000 sementara Fazley mengusahakannya.

Merujuk pernyataan di atas, apakah jenis perkongsian dalam perniagaan tersebut?

- A. Muamalat
- B. *Murabahah*
- C. *Mudharabah*
- D. *Musyarakah*

15. (1 point)

Sumber utama hukum bagi keharusan kontrak *Mudharabah* adalah _____.

- i. Al-Quran
- ii. Sunnah
- iii. *Ijmak*
- iv. *Qiyas*

- A. i dan ii
- B. i dan iii
- C. i, ii dan iii
- D. i, ii, iii dan iv

16. (1 point)

Manakah antara berikut merupakan prinsip **UTAMA** sistem *Musyarakah* yang berlandaskan kepada Islam?

- A. Berlandaskan kepada matlamat keuntungan tertinggi.
- B. Adil dan menjana keuntungan semata.
- C. Tidak berlaku pengabaian dan jaminan kebajikan bersama.
- D. Mengandungi unsur penipuan, penindasan dan penganiayaan.

17. (1 point)

Apakah hikmah **UTAMA** yang boleh didapati daripada konsep *Kafalah*?

- A. Dapat menjamin pemilik hutang untuk memberi kepercayaan kepada penghutang.
- B. Dapat menunjukkan keimanan dan ketakwaan kepada Allah SWT.
- C. Dapat merapatkan ukhuwah antara umat Islam.
- D. Mendapat syafaat Rasulullah SAW.

18. (1 point)

Hukum asal bagi *Wakalah* adalah _____.

- A. wajib
- B. harus
- C. sunat muakkad
- D. makruh *tanzih*

19. (1 point)

Antara penghargaan yang diberikan oleh institut perbankan Islam bagi pelanggan yang menyimpan duit mereka di dalam institusi tersebut dikenali sebagai _____.

- A. sedekah
- B. hibah
- C. sewa
- D. *ujrah*

20. (1 point)

Muqasah merupakan satu _____ hutang yang dikenakan ke atas pelanggan yang amanah dalam membayar hutang.

- A. pelarasan
- B. percanggahan
- C. pengurangan
- D. pertambahan

BAHAGIAN B: SOALAN STRUKTUR

Jawab SEMUA soalan.

1. **(6 points)**
 - a. Senaraikan **DUA (2)** jenis *Riba* dalam urusan kewangan Islam. (2 points)
 - b. Huraikan **DUA (2)** syarat yang menyebabkan *Gharar* boleh menjadikan sesuatu kontrak tidak sah dalam kewangan Islam. (4 points)
2. **(4 points)**

Jelaskan **DUA (2)** rukun akad jual beli di dalam Islam.
3. **(10 points)**
 - a. Terangkan maksud *Bay' Istisna'* (2 points)
 - b. Huraikan proses lengkap dalam konsep *Tawarruq*. (4 points)
 - c. Jelaskan **DUA (2)** cara pembayaran dalam *Bai' Istisna'*. (4 points)
4. **(4 points)**

Jelaskan **DUA (2)** sebab penamatan kontrak *Ijarah* di dalam Islam.
5. **(8 points)**
 - a. Huraikan secara ringkas **DUA (2)** rukun *Musyarakah* dalam Islam (4 points)
 - b. Terangkan **DUA (2)** syarat sah akad *Mudharabah* (4 points)
6. **(8 points)**
 - a. Huraikan **DUA (2)** rukun gadaian dalam Islam. (4 points)
 - b. Jelaskan **DUA (2)** hikmah disyariatkan Qard di dalam Islam. (4 points)

KERTAS SOALAN TAMAT